

03 APR 2002

Deklarasi/I

DEKLARASI KUALA LUMPUR MENGENAI KEGANASAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Berikut ialah Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Keganasan Antarabangsa yang diluluskan sebulat suara hari ini di akhir Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) mengenai Keganasan yang berlangsung di Hotel Palace of The Golden Horses, di sini.

1. Atas nama Islam dan perpaduan kami, Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkumpul di Kuala Lumpur untuk menyatakan keazaman kolektif dalam memerangi keganasan dan bertindakbalas terhadap sebarang perkembangan yang menjejaskan Muslimin dan negara-negara Islam dalam perkembangan selepas insiden serangan 11 September;

2. Kami menimbangkan semula semua langkah awal yang diluluskan oleh OIC dalam memerangi keganasan antarabangsa, termasuk Kod Tatalaku bagi Memerangi Keganasan Antarabangsa, Konvensyen GIC Dalam Memerangi Keganasan Antarabangsa yang antara lain memberikan definisi bagi keganasan dan Deklarasi Sesi Khas Ke 9 ICFM dan juga Resolusi-resolusi OIC yang berkaitan dalam memerangi keganasan antarabangsa;

3. Kami juga mengakui akan pentingnya kenyataan pembukaan Yang Berhormat Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merupakan sebahagian daripada dokumen rasmi;

4. Kami mengesahkan semula komitmen kami kepada prinsip-prinsip dan ajaran sebenar Islam yang menolak kekejaman, menghargai keamanan, mahukan sikap toleransi dan saling hormat menghormati dan juga melarang pembunuhan mereka yang tidak berdosa;

5. Kami menentang apa-apa usaha untuk mengaitkan Islam dan umatnya dengan keganasan dengan keganasan tidak mempunyai kaitan dengan mana-mana agama, peradaban, ataupun kewarganegaraan;

6. Kami mengulangi yang tindakan pencegahan yang diambil untuk memerangi keganasan tidak harus menjadikan kumpulan etnik atau agama tertentu sebagai sasaran ataupun masyarakat tertentu dijadikan sasaran.

7. Kami dengan sebulat suara mengutuk sebarang keganasan antarabangsa dalam apa sahaja bentuk, termasuk keganasan yang dilakukan oleh negara tanpa mengira motif, orang yang melakukannya dan mangsa-mangsa memandangkan keganasan membawa ancaman serius kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa dan ia dengan jelas mencabuli hak asasi manusia.

8. Kami mengulangi kedudukan berprinsip di bawah undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan sahnya penentangan terhadap ancaman dari luar dan perjuangan rakyat menentang penjajah ataupun penguasaan asing untuk mencapai kemerdekaan atau menentukan sendiri masa depan mereka. Dalam konteks ini, kami menggariskan betapa pentingnya untuk mencari satu definisi mengenai keganasan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa untuk membezakan perjuangan sah dengan tindakan keganasan.

9. Kami juga menggariskan akan pentingnya undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang melindungi orang awam dihormati dan dilindungi;

10. Kami menolak apa-apa usaha untuk mengaitkan keganasan dengan perjuangan rakyat Palestin dalam usaha mereka untuk mewujudkan sebuah negara merdeka dengan Al-Quds Al-Sharif (Baitulmaqdis) sebagai ibu negaranya;

11. Kami menolak apa-apa usaha untuk mengaitkan negara-negara Islam ataupun kebangkitan penduduk Palestin dan Lubnan dengan keganasan kerana tindakan itu akan menjadi penghalang kepada perjuangan global terhadap keganasan;

12. Kami mengutuk Israel kerana meningkatkan kempen ketenteraan terhadap penduduk Palestin, termasuk bertindak kejam dan ganas terhadap orang-orang awam, menyebabkan angka maut terus meningkat, ekonomi Palestin terjejas dan pembinasaan sewenang-wenangnya rumah-rumah dan kemudahan infrastruktur, institusi-institusi dan struktur-struktur milik Pihak Berkuasa Kebangsaan Palestin;

13. Kami menekankan akan pentingnya menangani punca utama keganasan antarabangsa, dan yakin yang perang terhadap keganasan tidak akan berjaya jika persekitaran yang menggalakkan keganasan seperti penaklukan asing, ketidakadilan dan pengasingan penduduk dibenarkan berleluasa;

14. Kami mengesahkan semula komitmen kami terhadap tindakan antarabangsa dalam memerangi keganasan antarabangsa yang dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, termasuk prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal dalaman dan menghormati kedaulatan dan integriti wilayah, dan juga undang-undang antarabangsa dan konvensyen dan instrumen antarabangsa;

15. Kami menolak apa-apa tindakan yang diambil terhadap mana-mana negara Islam atas alasan memerangi keganasan antarabangsa, kerana ini akan menjejaskan kerjasama global dalam memerangi keganasan;

16. Kami mengulangi seruan supaya diadakan satu persidangan antarabangsa di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk merumuskan satu tindakbalas yang diatur bersama oleh masyarakat antarabangsa terhadap segala bentuk keganasan.

17. "Oleh itu kami mengesahkan semula komitmen kami bagi tindakan di peringkat kebangsaan dan juga kerjasama di peringkat antarabangsa dalam memerangi keganasan dan bersetuju bagi satu pelan tindakan seperti berikut:

Pelan Tindakan

1. dengan ini kami bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa hujung terbuka 13 anggota peringkat Menteri OIC mengenai Keganasan Antarabangsa dengan mandat untuk merumuskan syor-syor bagi hal-hal berikut:

1.1 langkah-langkah untuk memperkukuhkan kerjasama OIC dan kordinasi dalam memerangi keganasan antarabangsa;

1.2 cara-cara mempercepatkan pelaksanaan Kod Tatalaku OIC dan Konvensyen Bagi Memerangi Keganasan Antarabangsa;

1.3 langkah-langkah untuk menampilkan imej sebenar Islam. Ini termasuk mengadakan seminar dan bengkel untuk menggalakkan persefahaman lebih baik mengenai Islam. Ini termasuk mengadakan seminar-seminar dan bengkel-bengkel

untuk menggalakkan persefahaman lebih baik mengenai Islam dan prinsip-prinsipnya;

1.4 Langkah-langkah dalam memperkukuhkan dialog dan persefahaman di kalangan peradaban, budaya dan kepercayaan yang berbeza, sebagai contoh, menggunakan inisiatif seperti Dialog Antara Tamadun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Forum Bersama OIC-EU mengenai keharmonian dan peradaban;

1.5 langkah-langkah lain, yang wajar dan selaras dengan Piagam OIC dan juga resolusi-resolusi persidangan OIM dan ICFM, akan diambil sebagai tindakbalas kepada perkembangan yang menjejaskan Islam dan umatnya ekoran tindakan untuk memerangi keganasan.

1. Kami bersetuju yang Jawatankuasa itu akan mengemukakan syor-syornya kepada negara-negara anggota dan juga kepada ICFM untuk pertimbangan dan tindakan. Jawatankuasa itu diberi mandat untuk mengkaji usaha pertubuhan-pertubuhan lain dalam hal-hal yang berkaitan dengan keganasan antarabangsa. Negara-negara anggota Jawatankuasa itu diberi mandat untuk menyumbangkan kepada usaha Kumpulan OIC di New York dalam hal-hal berkaitan keganasan antarabangsa.

2. Kami akan berusaha ke arah merumuskan dengan segera satu Konvensyen Menyeluruh mengenai Keganasan Antarabangsa. Dalam hal ini, kami mengulangi sokongan kami kepada pendirian yang diambil oleh negara-negara anggota OIC dalam rundingan yang sedang berjalan bagi Konvensyen itu.

3. Kami akan berusaha ke arah satu definisi bagi keganasan dan tindakan yang disifatkan sebagai keganasan yang menerima persetujuan antarabangsa dengan mengambil kira perjuangan sah dan kebangkitan orang ramai untuk mencapai kemerdekaan atau menentukan sendiri masa depan mereka daripada penjajahan, penguasaan asing ataupun pendudukan asing dengan definisi itu turut dimasukkan dalam deraf Konvensyen Menyeluruh Mengenai Keganasan Antarabangsa.

4. Kami akan berusaha ke arah mengadakan sebuah persidangan antarabangsa secepat mungkin di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk merumuskan satu tindakbalas yang diatur bersama oleh masyarakat antarabangsa terhadap segala bentuk keganasan.

5. Kami akan, di forum-forum multilateral yang relevan mengambil pendirian bersama dalam menegakkan kedudukan berprinsip bagi perjuangan sah rakyat menentang penjajahan atau penguasaan asing dan pendidikan asing bagi kemerdekaan dan menentukan sendiri masa depan mereka.

6. Kami akan terus berusaha melalui Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan secara langsung bersama negara-negara berkaitan untuk menamatkan keganasan Israel terhadap rakyat Palestin, menyediakan perlindungan antarabangsa yang perlu bagi penduduk Palestin dan menjalankan usaha-usaha mencari penyelesaian yang saksama, menyeluruh dan berkekalan bagi konflik Asia Barat berdasarkan kepada Resolusi UNSC 242, 338 dan 425, Resolusi 194 UNGA dan prinsip pertukaran tanah bagi keamanan. Dalam konteks ini, kami akan berbuat sahaja apa sahaja yang boleh untuk memastikan kejayaan Inisiatif Keamanan Arab yang diluluskan oleh Sidang Kemuncak Arab ke 14 di Beirut pada 28 Mac 2002. Lebih daripada itu, kami akan terus menghulurkan sokongan politik, material dan moral kepada penduduk Palestin.

7. Kami akan teruskan usaha dengan negara-negara lain dan menyokong usaha-usaha masyarakat antarabangsa dalam memerangi keganasan antarabangsa

di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam cara yang telus dan berkecuali dan selaras dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, undang-undang antarabangsa, serta konvensyen dan instrumen antarabangsa yang berkaitan. Ini termasuk melaksanakan Resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, khasnya Resolusi UNSC 1373, dan juga mempercepatkan ratifikasi konvensyen dan protokol antarabangsa yang relevan kepada usaha menangani keganasan.

8. Kami akan mengambil segala usaha di peringkat antarabangsa untuk menggalakkan rejim keselamatan kolektif sejajar dengan keperluan keselamatan dan pembangunan semua negara dan juga untuk menggalakkan persekitaran politik dan sosio-ekonomi yang kondusif yang akan mengekang aktiviti pengganas dan membasmi rrorist punca tindakan ganas.

9. Kami akan, di peringkat antarabangsa, akan terus mencari dasar dan strategi yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran orang kita, dan juga menangani dan menyelesaikan faktor-faktor domestik yang menyumbangkan kepada keganasan.

-- BERNAMA
AKT ZS PR